Rentetan daripada isu kompetensi guru arus perdana dalam melaksanakan pendidikan inklusif dalam pendidikan arus perdana maka adalah penting untuk mengenal pasti kualiti item soalan yang dibina adalah berkualiti dengan menjadikan JSU sebagai penanda aras. Berdasarkan kualiti item soalan yang dibina pensyarah turut dapat mengenal pasti samada kesesuaian dan penambahbaikan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan kursus Pendidikan Inklusif. Dalam pada itu juga mengubah suai item-item yang tidak berada di aras kognitif yang seperti mana dalam JSU. Selain itu, hasil dapatan analisis membolehkan pensyarah mengenal pasti tahap keupayaan kognitif pelajar guru yang mengikuti kursus ini. Dengan demikian, sejak RMK Pendidikan Inklusif dikuatkuasa mulai Jun 2016 dan dikemas kini pada November 2016 maka buat pertama kalinya item-item soalan ini dianalisis untuk mengenal pasti kualiti item-item soalan yang dibina setelah tiga kohort pelajar guru pengkhususan Sains melaksanakan kursus Pendidikan Inklusif.

Metodologi

Model Dikotomous Rasch digunakan apabila data terdiri daripada dua kategori respons sahaja iaitu betul dan salah. Model *Partial Credit* (Wright & Masters, 1982) merupakan lanjutan daripada Model Dikotomous Rash. Model *Partial Credit* sesuai untuk data politomous iaitu data yang mempunyai lebih daripada dua kategori respons. Oleh itu, model ini sesuai untuk menganalisis item berbentuk struktur dan esei. Dalam kajian ini item soalan adalah soalan struktur dan esei, dan pertukaran data mentah ke bentuk *Partial Credit* adalah seperti berikut:

Jenis Item	Data Mentah	<i>Partial Credit</i>	Gred
Struktur (5 markah)	0 - 1	0	Rendah
	1.1 – 3.0	1	Sederhana
	3.1 – 5.0	2	Cemerlang
Struktur (10 markah)	1 - 3	0	Rendah
	3.3 – 7.9	1	Sederhana
	8.0 – 10.0	2	Cemerlang
Esei (20 markah)	1.0 – 6.0	0	Rendah
	6.1 – 13.0	1	Sederhana
	13.1 – 20.0	2	Cemerlang

Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini untuk mengenalpasti kualiti item berdasarkan JSU bagi kertas Pendidikan Inklusif

Objektif kajian:

1. menganalisis aras kognitif item mengikut taksonomi bloom dalam JSU
2. menentukan kualiti item berdasarkan ciri-ciri item mengikut aras kognitif item

Instrumen

Instrumen yang digunakan merupakan Kertas Peperiksaan Januari 2019 yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A: Struktur terdiri daripada empat item jenis soalan respon pendek dengan pecahan kepada sub-item a dan b bagi setiap item, dan dua item jenis soalan esei. Aras

taksonomi bagi item jenis soalan respon pendek terdiri daripada dua aras taksonomi sahaja iaitu aras taksonomi mengingat/memahami bagi sub-item a dan mengaplikasi/menganalisis bagi sub-item b. Bagi soalan esei pula, item 1 pada aras mengaplikasi/menganalisis dan item 2 pada aras menilai/mencipta. Namun begitu, item 2 untuk soalan esei tidak dapat dianalisis kerana memandangkan hanya seorang sahaja pelajar guru yang menjawab soalan ini. Oleh itu tiada perbandingan dapat dilakukan kerana model pengukuran Rasch memberikan pengukuran dalam bentuk statistik bandingan. Dengan demikian, jumlah item yang dianalisis dalam Model Rasch dalam kajian ini adalah 9 item.

Sampel

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 14 orang pelajar guru pengkhususan Sains Semester Enam yang telah mengikuti kursus Pendidikan Inklusif, iaitu Ambilan Jan 2017.

Keputusan dan Dapatan

Analisis data dalam kajian ini menggunakan Model Kajian Rasch bagi mencapai objektif kajian. Kebolehpercayaan item dan sampel serta kesahannya dianalisis dan dibincangkan melalui statistik kepadanan (fit). Data yang diperoleh menggunakan pengukuran bandingan melalui Model Pengukuran Rasch. Seterusnya, analisis kesukaran item melalui pemetaan edaran *person –item distribution map* (PIDM) akan menentukan tahap pengukuran item berdasarkan keupayaan 14 orang pelajar dalam menjawab 9 soalan (item) yang diberikan.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Item Kajian

Jadual 1 menunjukkan ringkasan analisis statistik kepadanan (fit) menggunakan pengukuran bandingan data dan Model Rasch. Analisis pengukuran mendapati data yang diperoleh menepati kebarangkalian model Rasch dengan julat infit/ outfit $-2.0 < \text{MNSQ} < 2.0$ (Bond & Fox, 2007). Keupayaan maksimum pengukuran item berada pada ukuran (*measure*) 1.84 logit dan keupayaan minimum item berada pada ukuran (*measure*) -2.22 logit. Ini menunjukkan bahawa kesukaran 9 item ini tersebar dan dapat mengukur keupayaan sampel dalam julat pengukuran sebanyak 4.06 logit. Kebarangkalian sampel menjawab item yang paling sukar berada pada 1.84 logit dan item yang paling mudah untuk dijawab oleh sampel berada pada ke -2.22 logit.

Jadual 1: Ringkasan parameter bagi 9 item yang diukur

	Measure	INFIT		OUTFIT	
		MNSQ	ZSTD	MNSQ	ZSTD
MEAN	0	0.99	-0.1	0.95	-0.1
S.D.	1.43	0.49	1.2	0.49	1.1
MAX.	1.84	1.93	2	1.91	1.9
MIN.	-2.22	0.36	-2.1	0.35	-2.2
Item Separation		1.87	Item Reliability		0.78

Selain itu Jadual 1 bagi indeks pemisahan item (item separation = 1.87) juga menunjukkan anggaran bahawa 9 item boleh disebarkan dalam 3 kumpulan strata ($\text{Strata} = 4 \times \text{item separation} + 1$)/3 (Linacre, 2000) dengan indeks kebolehpercayaan item yang tinggi (0.78). Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa 9 item yang diukur adalah bermutu dan dapat diklasifikasikan bagi mengukur 3 kumpulan kesukaran mengikut julat dinyatakan di atas.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Sampel Kajian

Jadual 2 menunjukkan ringkasan parameter Model Rasch dalam analisis kepadanan (*fit*) bagi 14 sampel yang menjawab 9 item di atas. Ukuran dalam logit menunjukkan keupayaan sampel yang diukur adalah diantara 3.61 logit ke -2.6 logit. Julat ini menunjukkan bahawa sampel yang diukur mempunyai keupayaan maksimum lebih daripada kesukaran maksimum item. Analisis menunjukkan keperluan item pada aras lebih tinggi daripada 1.84 logit bagi mengukur sampel yang mempunyai keupayaan yang lebih tinggi. Keupayaan minimum sampel berada dalam julat pengukuran item menunjukkan bahawa item berjaya mengukur sampel pada aras keupayaan yang rendah.

Jadual 2: Ringkasan parameter bagi 14 sampel diukur

Measure	INFIT		OUTFIT		
	MNSQ	ZSTD	MNSQ	ZSTD	
MEAN	1.59	0.93	-0.1	0.89	-0.1
S.D.	1.39	0.56	1.1	0.56	1
MAX.	3.61	2.39	2.5	2.35	2
MIN.	-2.6	0	-1.6	0	-1.6
Person Separation	1.09	Person Reliability		0.54	

Analisis statistik kepadanan (*fit*) bagi sampel seterusnya menunjukkan indeks pemisahan sampel pada 1.09. Ini menunjukkan bahawa sampel boleh dipisahkan kepada menghampiri 2 kumpulan keupayaan ($strata = 1.79$). Indeks kebolehpercayaan sampel (0.54) yang sederhana juga menunjukkan bahawa lebih sampel dengan pelbagai kumpulan keupayaan diperlukan untuk keputusan analisis item yang lebih jitu.


Analisis Kesukaran Item dan Penentuan Aras Pengukuran Item Berdasarkan Pemetaan

Analisis fit pada 9 item memberikan pengukuran tahap kesukaran item yang dibandingkan dengan tahap keupayaan pelajar menjawab dan diplotkan sebagai *person –item distribution map* (PIDM). Rajah 1 adalah PIDM yang menunjukkan taburan tahap keupayaan pelajar dan juga tahap kesukaran item yang diplot di atas satu skala yang sama. Bahagian kiri peta menunjukkan bilangan pelajar yang disusun berdasarkan tahap keupayaan dalam logit. Di bahagian bawah menunjukkan pelajar dengan tahap keupayaan paling rendah manakala di bahagian atas menunjukkan pelajar dengan tahap keupayaan paling tinggi.

Bahagian kanan peta pula menunjukkan taburan 9 item yang disusun mengikut indeks kesukaran item. Bahagian bawah peta menunjukkan item yang paling mudah iaitu item 1. Analisis Rajah 1 menunjukkan keupayaan pelajar berada lebih tinggi melebihi item yang paling mudah ini. Ini bermaksud kebarangkalian semua pelajar dapat menjawab soalan ini adalah sangat besar. Sementara itu bahagian atas kanan peta pula menunjukkan item yang paling sukar untuk dijawab iaitu item 2b. Hanya seorang pelajar yang mempunyai kebarangkalian melebihi 50% untuk dapat menjawab soalan ini, dan yang selebihnya mempunyai kebarangkalian keupayaan kurang 50% untuk dapat menjawab soalan 2b dengan tepat.

Daripada taburan item dalam Rajah 1 terdapat empat item yang mempunyai indeks pengukuran melebihi min = 0 logit iaitu item 2b, 1a, 4b dan 2a. sementara itu 5 item berada dibawah nilai min= 0 logit iaitu item 3a, 3b, 4a, 1b dan 1.

Rajah 1 Pemetaan tahap keupayaan pelajar -kesukaran item



Item 2b menunjukkan aras kesukaran yang paling tinggi iaitu pada 1.84 logit diikuti dengan item 1a dan 4b pada 0.67 logit. Perbezaan aras kesukaran antara item 2b dan 1a dan 4b adalah melebihi 1.0 logit. Oleh itu item 2b dikelaskan dalam aras tinggi dan berbeza aras dengan item 1a dan 4b.

Item 1a dan 4b mempunyai indeks pengukuran menghampiri 0 logit. Item 2a, 3a dan 3b juga mempunyai indeks pengukuran yang menghampiri 0 logit. Oleh itu, item 1a, 4b, 2a, 3a dan 3b dikelaskan dalam item aras sederhana. Ini kerana kelima-lima item ini mampu mengukur pelajar yang mempunyai keupayaan di sekitar min = 0 logit.

Item 4a, 1b dan 1 adalah item yang mengukur pelajar berkeupayaan jauh kurang daripada 0 logit. Ini menunjukkan item ini berkeupayaan untuk dijawab oleh pelajar

berkeupayaan rendah. Oleh itu item ini dikelaskan dalam item aras rendah. Item paling mudah dijawab (item 1) berada pada -2.22 logit dengan perbezaan pengukuran yang sangat besar melebihi 1 logit daripada item sebelumnya (item 1b = -0.99). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan aras kesukaran yang besar di antara item 1 b dan item 1 walaupun kedua-duanya mengukur tahap keupayaan yang rendah.

Analisis Perbandingan Aras Kesukaran Item JSU dan Aras Kesukaran Item Rasch

Analisis melalui pemetaan taburan keupayaan pelajar – kesukaran item di atas menunjukkan 9 item dapat dikelaskan kepada mengukur tiga aras kesukaran iaitu aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Bilangan kelas kesukaran ini adalah selari dengan aras taksonomi item yang dicadangkan melalui JSU. Analisis taksonomi item JSU mencadangkan item untuk digubal berdasarkan tiga aras. Item aras tinggi mengukur aras taksonomi mencipta dan menilai, item aras sederhana mengukur aras taksonomi menilai dan mengaplikasi dan item rendah mengukur aras taksonomi memahami dan mengingati.

Bagi melihat dengan lebih mendalam struktur item dalam setiap perbandingan kelas, satu analisis perbandingan aras kesukaran JSU dan aras kesukaran pengukuran Rasch telah dilaksanakan. Jadual 3 menunjukkan perbandingan item dalam tiga aras berbeza mengikut cadangan JSU dan pengukuran Rasch.

Jadual 3: Analisis Perbandingan Aras Kesukaran mengikut Taksonomi JSU-Pengukuran Keupayaan Rasch

Aras Kesukaran Item	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)/ item	Item Pengukuran Rasch/ item
Aras Tinggi	2	2b
Aras Sederhana	1,1b, 2b, 3b,4b	1a, 4b, 2a, 3a dan 3b
Aras Rendah	1a, 2a, 3a, 4a	1, 1b dan 4a

Analisis yang telah dibuat menunjukkan item 1a, 2a, 3a dan 4a dibina pada aras rendah iaitu aras taksonomi mengingati dan memahami. Berdasarkan analisis pengukuran keupayaan model Rasch, hanya item 4a sahaja yang menepati aras pengukuran rendah. Tiga item 1a, 2a dan 3a yang digubal pada aras taksonomi rendah didapati mengukur keupayaan pelajar pada aras sederhana. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan soalan yang dibina dalam taksonomi mengingati dan memahami mempunyai kualiti item bagi mengukur pelajar di aras sederhana. Oleh itu kebanyakan item yang dibina mengikut taksonomi rendah menunjukkan pengukuran sebenar pada tahap yang lebih sukar.

Analisis yang telah dibuat menunjukkan item 1, 1b, 2b, 3b dan 4b dibina pada aras taksonomi sederhana iaitu aras taksonomi mengaplikasi dan menganalisis. Berdasarkan analisis pengukuran keupayaan model Rasch, hanya item 3b dan 4b sahaja yang menepati aras pengukuran sederhana. Tiga item 1, 1b dan 2b yang digubal pada aras taksonomi sederhana didapati mengukur keupayaan pelajar pada aras yang lain. Item 1 dan 1b yang dibina dalam aras taksonomi sederhana didapati hanya mengukur keupayaan pelajar pada aras yang rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keupayaan yang tinggi bagi menjawab item berbanding aras yang diinginkan. Oleh itu kualiti item bagi item 1 dan 1b adalah rendah berbanding aras taksonomi yang dicadangkan oleh JSU. Analisis perbandingan aras bagi soalan 2b menunjukkan soalan aras taksonomi adalah sederhana tetapi pengukuran Rasch menunjukkan aras item adalah tinggi. Ini bermaksud soalan 2b yang dibina untuk sasaran pelajar berkeupayaan sederhana dan tinggi tetapi dalam pengukuran Rasch didapati hanya boleh dijawab oleh pelajar berkeupayaan tinggi. Ianya sukar dijawab oleh pelajar berkeupayaan

sederhana dan rendah. Oleh itu, kualiti item menunjukkan pengukuran sebenar pada aras yang lebih sukar.

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan analisis setiap item secara terperinci.

Soalan 1a.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan kriteria tertentu dalam penempatan Murid Keperluan Khas (MBK) ke Program Pendidikan Inklusif (PPI).
Jelaskan tentang Program Pendidikan Inklusif (PPI).

(5 markah)

Item 1a bertujuan untuk menguji topik Pengenalan Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada aras kemahiran mengingat dan memahami. Analisis item ini menunjukkan kesukaran item ini adalah pada tahap mudah dan tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras sederhana mengikut keupayaan pelajar. Maka item ini perlu diubah suai dengan memberikan kata kerja yang lebih tepat kepada kehendak soalan iaitu nyatakan definisi Program Pendidikan Inklusif.

Soalan 1b.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan kriteria tertentu dalam penempatan Murid Keperluan Khas (MBK) ke Program Pendidikan Inklusif (PPI).
Ahmad adalah seorang MBK kurang penglihatan yang berada dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Perincikan kriteria-kriteria yang perlu diambil kira untuk penempatan Ahmad ke PPI sekolah yang sama

(10 markah)

Item 1b bertujuan untuk menguji topik Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada aras kemahiran mengaplikasi dan menganalisis. Analisis item ini menunjukkan item ini adalah pada tahap sederhana dan tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras rendah mengikut keupayaan pelajar. Maka item ini perlu diubah suai dengan menukarkan kata kerja yang lebih tepat untuk mencapai aras sederhana iaitu meminta pelajar guru menjelaskan kriteria-kriteria yang perlu untuk membolehkan MBK kurang penglihatan untuk diinkluskikan ke PPI di arus perdana.

Soalan 2a.

Kejayaan Program Pendidikan Inklusif ditentukan oleh faktor perkhidmatan sokongan seperti infrastruktur, peralatan, personel dan masyarakat.
Nyatakan matlamat perkhidmatan sokongan tersebut dalam Pendidikan Khas.

(5 markah)

Item 2a bertujuan untuk menguji topik Faktor Kritikal Kejayaan Pendidikan Inklusif pada aras kemahiran mengingat dan memahami. Analisis item ini menunjukkan kesukaran item ini adalah pada tahap mudah dan tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras sederhana mengikut keupayaan pelajar. Item ini boleh diubah suai untuk mencetus pemikiran pelajar guru tentang kemanfaatan perkhidmatan sokongan dalam pelaksanaan PPI.

Soalan 2b.

Kejayaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) ditentukan oleh faktor perkhidmatan sokongan seperti infrastruktur, peralatan, personel dan masyarakat.

Analisis secara terperinci kerjasama antara Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dengan sokongan kerajaan untuk memastikan kejayaan PPI di Malaysia.

(10 markah)

Soalan 2b bertujuan menguji topik Faktor Kritikal Kejayaan Pendidikan Inklusif dalam aspek kolaboratif khidmat sokongan badan kerajaan dan bukan kerajaan. Analisis item ini menunjukkan kesukaran item pada tahap sederhana tetapi tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras tinggi mengikut keupayaan pelajar. Ini bermaksud soalan 2b yang dibina untuk sasaran pelajar berkeupayaan sederhana dan tinggi tetapi dalam pengukuran Rasch didapati hanya boleh dijawab oleh pelajar berkeupayaan tinggi. Ianya sukar dijawab oleh pelajar berkeupayaan sederhana dan rendah. Kualiti item menunjukkan pengukuran sebenar pada aras yang lebih sukar. Item boleh diubah suai kepada meminta pelajar guru mengemukakan contoh-contoh menunjukkan bagaimana boleh berlaku kolaboratif khidmat sokongan antara NGO dan kerajaan.

Soalan 3a.

Guru pendidikan khas dan guru arus perdana merupakan pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan PPI di sekolah di samping sokongan daripada pentadbir sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

Nyatakan peranan guru pendidikan khas dan guru perdana secara kolaboratif dalam menjayakan PPI.

(5 markah)

Item 3a bertujuan untuk menguji topik Peranan dan Tanggungjawab Dalam Pelaksanaan PPI. Analisis item ini menunjukkan kesukaran item ini adalah pada tahap mudah dan tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras sederhana mengikut keupayaan pelajar. Item ini boleh diubah suai kepada meminta pelajar guru menjelaskan peranan guru pendidikan khas atau guru perdana dalam menjayakan PPI.

Soalan 3b.

Guru pendidikan khas dan guru arus perdana merupakan pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan PPI di sekolah di samping sokongan daripada pentadbir sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

Buktikan bagaimana ibu bapa juga dapat membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kejayaan pendidikan inkusif di sekolah.

(10 markah)

Item soalan 3b bertujuan untuk menguji topik Peranan dan Tanggungjawab Dalam Pelaksanaan PPI dari aspek ibu bapa MBK. Analisis item menunjukkan kesukaran item ini berada pada tahap sederhana dan memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch serta dapat mensasarkan pelajar guru. Maka item ini tidak perlu diubah.

Soalan 4a.

Guru mata pelajaran Sains perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran tentang penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) serta berupaya untuk melaksanakan pelbagai strategi dan teknik pengajaran yang sesuai dengan keupayaan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam PPI.

Senaraikan ciri-ciri utama dalam penyediaan RPI untuk seorang MBK yang mengikuti pembelajaran Sains dalam PPI.

(5 markah)

Item 4a bertujuan untuk menguji topik Pedagogi Inklusif bagi Bidang Teras. Analisis perbandingan aras JSU dan aras keupayaan item Rasch menunjukkan soalan 4a adalah sejajar. Ini bermaksud item 4a yang dibina pada aras taksonomi rendah juga menunjukkan aras keupayaan item Rasch mengukur keupayaan rendah. Ini menunjukkan kebarangkalian pelajar menjawab soalan 4a dengan mudah adalah tinggi. Maka item ini tidak perlu diubah.

Soalan 4b.

Guru mata pelajaran Sains perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran tentang penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) serta berupaya untuk melaksanakan pelbagai strategi dan teknik pengajaran yang sesuai dengan keupayaan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam PPI.

Kemukakan strategi dan teknik pengajaran yang boleh digunakan oleh guru mata pelajaran Sains untuk MBK yang mengikuti pembelajaran bagi tajuk “Kepelbagaian Tumbuhan” dalam PPI.

(10 markah)

Item 4a bertujuan untuk menguji topik Pedagogi Inklusif bagi Bidang Teras. Soalan 4b dibina pada aras taksonomi sederhana juga menunjukkan aras keupayaan item Rasch yang sederhana. Ini menunjukkan kebarangkalian pelajar dapat menjawab item 4b adalah sederhana. Maka item ini tidak perlu diubah.

Bagi soalan esei, item 1 bertujuan untuk menguji Peranan dan Tanggungjawab Dalam Pelaksanaan PPI. Analisis item ini menunjukkan kesukaran item ini adalah pada tahap sederhana dan tidak memenuhi statistik kesesuaian Model Rasch iaitu pada aras mudah mengikut keupayaan pelajar. Ini menunjukkan kebarangkalian pelajar menjawab item 1 dengan mudah adalah tinggi.

Esei: item 1.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 menunjukkan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkasakan pelaksanaan PPI secara terancang dan berfokus. Namun pelaksanaan PPI di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan cermat.

Berdasarkan pernyataan di atas, perincikan cabaran-cabaran dalam pelaksanaan PPI serta langkah-langkah mengatasinya.

(20 markah)

Item ini boleh diubah suai dengan mengubah rangsangan dengan menunjukkan data statistik pada Gelombang 1 dalam Pelan Tindakan PPPM (2013 – 2025) yang tidak mencapai

sasaran. Item meminta pelajar guru untuk menjelaskan secara terperinci kenapa sasaran dalam pada Gelombang 1 tidak mencapai sasaran.

Kesimpulan

Dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch pengkaji telah dapat menganalisis aras kognitif item mengikut taksonomi bloom dalam JSU. Dalam kajian ini telah didapati item pada aras rendah taksonomi bloom tidak semestinya pelajar dapat mudah menjawabnya dan sebaliknya juga bergantung kepada keupayaan sebenar pelajar. Model Pengukuran Rasch berupaya menentukan keupayaan sebenarnya berdasarkan item yang digubal. Dengan dapat membuat perbandingan di antara aras kognitif item dan keupayaan sebenar pelajar, item yang lebih baik dapat dihasilkan. Item boleh diperbaiki lagi berdasarkan contoh cadangan yang diberikan bagi setiap item dalam kajian ini. Selain daripada itu beberapa tindakan boleh diambil untuk mengatasi perbezaan antara aras kognitif dan keupayaan sebenar pelajar dengan penambahbaikan PdP mengarah kepada pelajar mudah mengingat memahami konsep asas, contohnya membuat nota atau mengaplikasikan teknik mengingat, ini bagi mengatasi masalah item aras rendah sukar dijawab oleh pelajar berkeupayaan tinggi. Aspek penandaan kertas peperiksaan juga perlu diambil perhatian untuk memastikan markah yang diberi adalah bersesuaian dengan keupayaan pelajar, iaitu pemeriksa tidak terlalu mudah memberi markah tinggi atau rendah pada item yang dijawab oleh pelajar. Cadangan untuk kajian akan datang boleh dibuat berdasarkan cadangan tindakan di atas. Implikasi untuk membentuk pelajar guru yang berkeupayaan tinggi dalam bidang kerjaya adalah penting dengan dapat membina item yang selaras dengan aras kognitif pelajar seperti mana Falsafah Pendidikan Negara kehendaki.

Rujukan

- Amin, M. (2017). Sikap Guru Kelas Terhadap Anak Bekebutuhan Khusus Di Sekolah Dasar Inklusif Wilayah Kabupaten. Master tesis. Universiti Yogyakarta
- Ang Chai Tin & Lee Lay Wah. (2018). *Pendidikan Inklusif*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Bond, T.B., & Fox, C.M. (2007). Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences (2nd ed.). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum
- Hambleton, R.K. (1993). Principles and Selected Applications of Item Response Theory. In R.L. Linn (ed.), *Educational Measurement* (4th ed., pp. 147-200). New York: American Council on Education and Macmillan
- Jabatan Peguam Negara. (2013). Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Kerajaan Persekutuan Malaysia. Diakses pada 12 September 2017 daripada <http://Usrs/angchaitin/peraturan-peraturan-khas-2013.pdf>
- Jelas, Z. M. (2000) 'Perceptions of inclusive practices: the Malaysian perspective'. *Educational Review*, 52 (2), 187–196.
- Lee, L. W. (2010) 'Different strategies for embracing inclusive education: a snap shot of individual cases from three countries'. *International Journal of Special Education*, 25 (3), 101–109
- Linacre, J.M. (2000). Redundant items, overfit and measure bias. *Rasch Measurement Transactions*, 143(3), 755
- Linacre, J.m. (2009). A User's Guide to Winsteps, Ministep Rasch-model Computer programs, Program Manual. Chicago, IL: Winsteps.com
- Manisah, Mohd. Ali, Ramlee Mustapha & Zalizan Mohd. Jeles. (2006). An Empirical study on teachers' perceptions towards inclusive education in Malaysia. *International Journal of Special Education*, 21(3), 36-44

2nd International Conference on Technology, Information System and Multimedia (2nd ICTISM 2020)

ORGANIZING COMMITTEE

Chairman:

Prof. Madya. Dr. Adenan Ayob

Treasurer:

Zafira Zainudin

Technical Committee:

Norhaslinda Mohd Kamil

Technical Reviewer:


Dr. Mahtab Pouratashi

Dr. Rosli Mohamad

Liaison Officer:

Nuratikah Amid Dudin

ICTISM



ICTISM

Published by:
Global Academic Excellence (M) Sdn. Bhd.
(1257579-U)

KELANTAN, MALAYSIA

eISBN 978-967-2426-03-5



9 789672 426035